

1976

KUALA LUMPUR, 14 OKT. (BERNAMA) -- MAJLIS TANAH NEGERI AKAN DITUBUHKAN DI SEMUA NEGERI DI SEMENANJUNG MALAYSIA UNTUK MENENTUKAN DASAR MENGATASI MASALAH SETINGGAN YANG BERBEZA-BEZA DI SELURUH NEGARA.

MAJLIS TERSEBUT AKAN DIPENGERUSIKAN OLEH MENTERI BESAR ATAU KETUA MENTERI NEGERI MASING-MASING SERTA MEMPUNYAI URUSETIA DAN JAWATANKUASA BAGI MEMBOLEHKANNYA BERGERAK DENGAN BERKESAN.

KEPUTUSAN TERSEBUT TELAH DIPERSETUJUI OLEH MAJLIS TANAH NEGERA DI SIDANGNYA YANG DIPENGERUSIKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED DI BANGUNAN PARLIMEN HARI INI.

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA, MAJLIS TERSEBUT PERLU DIBENTUK BAGI Mencari cara-cara tersendiri yang sesuai lagi berkesan untuk mengatasi masalah setinggan yang disifatkannya sebagai +BERAT DAN TIDAK MUDAH DIATASI.

IA MEMERLUKAN KAJIAN YANG MENYELURUH DAN BERLAINAN DI SETIAP NEGERI DAN INI PULA MEMERLUKAN MASA YANG PANJANG, KATANYA.  
-- BERSAMBUNG 1320/SZ

67

££

B542

MAHATHIR-TANAH 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENAMBAH, JAWATANKUASA YANG DIBENTUK OLEH MAJLIS TANAH NEGERA (MTN) DALAM SIDANGNYA YANG LALU SETAKAT INI BELUM DAPAT MEMPASTIKAN GARIS-GARIS TERTENTU UNTUK MENGENDALI DAN MENGATASI MASALAH SETINGGAN.

+MASALAH SETINGGAN ADALAH MASALAH SOSIAL YANG BERAT KERANA SETIAP RAKYAT NEGARA INI MEMERLUKAN TEMPAT PERLINDUNGAN SAMADA SECARA HALAL ATAU HARAM.

+OLEH ITU KITA MESTI MENGHADAPINYA DENGAN Mencari jalan untuk menyediakan tempat-tempat perlindungan yang diperlukan itu, + TEGASNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, BAGAIMANAPUN, MASALAH BESAR KERAJAAN IALAH BERTAMBAHNYA ORANG-ORANG YANG MENGAMBIL KESEMPATAN MENJADI SETINGGAN SEBAIK SAHAJA KERAJAAN MEMULAKAN USAHA MENGADAKAN TEMPAT-TEMPAT PERLINDUNGAN ITU.

SATU LAGI MASALAH BESAR IALAH KEGIATAN +PENGUSAHA-PENGUSAHA SETINGGAN+ YANG MENYEDIAKAN RUMAH-RUMAH +PASANGSIAP+ BAGI KELUARGA-KELUARGA SETINGGAN.

DR. MAHATHIR MEMBERI AMARAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS TERHADAP MEREKA JIKA TERDAPAT BUKTI TENTANG KEGIATAN-KEGIATAN HARAM ITU. -- BERSAMBUNG 1325/SZ

EE

B543

MAHATHIR-TANAH 3 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENGECEM SIKAP SETENGAH-SETENGAH AHLI POLITIK YANG MENGGUNAKAN ISUE SETINGGAN UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

+AHLI-AHLI POLITIK INI BUKAN SAHAJA MENGGALAKKAN RAKYAT MENJADI SETINGGAN DI KAWASAN-KAWASAN TERSEBUT MALAH MENJADI PEJUANG MEREKA PULA, + KATANYA.

DALAM MASALAH INI, KATANYA, AGAK SULIT BAGI KERAJAAN BERTINDAK MEMBUKTIKAN PENGLIBATAN MEREKA KERANA KEBANYAKAN MEREKA +MENYEMBUNYIKAN TANGAN SELEPAS MELEMPAR BATU.+

MEMANDANGKAN MASALAH-MASALAH ITU, KERAJAAN MEMERLUKAN MASA BAGI Mencari JALAN DAN MENENTUKAN SAMADA PERLU MEMPERKETATKAN LAGI UNDANG-UNDANG ATAU MENGADAKAN JENTERA YANG LEBIH BERKESAN MENGATASINYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU, SELAIN DARI MASALAH SETINGGAN, MAJLIS TERSEBUT JUGA TELAH MEMBINCANGKAN MASALAH PAJAK TANAH.

MAJLIS ITU TELAH BERSETUJU SUPAYA TIDAK DIADAKAN PERBEZAAN DALAM TEMPOH PAJAK TANAH SAMADA 30 TAHUN, 60 TAHUN ATAU 99 TAHUN YANG DIBERIKAN KEPADA PARA PEGAWAI KERAJAAN DAN RAKYAT BIASA.

-- BERSAMBUNG 1327/SZ

PERBEZAAN ITU, KATA DR. MAHATHIR, TIDAK PERLU DIAMALKAN KERANA IA BOLEH MENIMBULKAN RASA KURANG PUASHAT! RAKYAT TERHADAP KERAJAAN. PENGELUARAN PAJAK-PAJAK TANAH ITU BAGAIMANAPUN TERPULANGLAH KEPADA BUDIBICARA KERAJAAN NEGERI MASING-MASING.

HADIR DI SIDANG ITU IALAH KETUA-KETUA MENTERI DAN MENTERI BESAR SEREMBANG MALAYSIA, MENTERI-MENTERI KERAJAAN PUSAT YANG MENJADI AHLI DAN PARA PEMERHATI DARI SABAH DAN SARAWAK. -- BERNAMA  
1770/SZ